



**JABATAN BENDAHARI NEGERI
SABAH**

Wisma Kewangan
Jalan Tunku Abdul Rahman
Beg Berkunci No. 2058
88595 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia



Bil.JBNS: 500-10(S)/1541/2/(139)

Tarikh : 27 Januari 2012

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah

Semua Bendahari Daerah


Y.Bhg.Datuk/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL. 1 TAHUN 2012 PERATURAN /PANDUAN KEPADA CALON - CALON PEPERIKSAAN KHAS KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN PENOLONG AKAUNTAN GRED W27.

1. Dengan hormatnya, saya merujuk kepada keputusan mesyuarat Pihak Pengurusan Jabatan Bendahari Negeri Sabah, yang telah diadakan pada 13 Januari, 2012, yang mana telah menetapkan syarat dan peraturan bagi menduduki peperiksaan **Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL)** ke **Jawatan Penolong Akauntan gred W27**, seperti berikut :

(i). Umur minima kakitangan gred W17/ W22, yang dibenarkan menduduki peperiksaan KPSL tersebut hendaklah tidak kurang dari 45 tahun.

(ii). Hanya kakitangan W22 dan juga kakitangan W17 yang memangku jawatan Penolong Akauntan, W27, akan dibenarkan untuk mengambil peperiksaan KPSL tersebut. Manakala kakitangan N22 tidak akan dipertimbangkan. Ini disebabkan kekangan syarat skim yang membolehkan hanya mereka dari Kumpulan gred W dan lulus peperiksaan KPSL W27 sahaja yang dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat.



2. Sehubungan itu, sebagai langkah persediaan calon-calon peperiksaan KPSL, Jabatan ini akan menganjurkan kursus khas (3 siri) peperiksaan KPSL diatas dan akan dibuka kepada mereka yang layak sahaja. Maklumat lanjut mengenai kursus Peperiksaan KPSL ke jawatan Pen. Akauntan gred W27, boleh diperolih di laman web jabatan ini di url: <http://www.sabah.gov.my/jbn>

3. Untuk makluman, Jabatan ini hanya akan meluluskan permohonan peperiksaan KPSL mereka yang memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan diatas.

PENUTUP

4. Sebarang kemusykilan dalam pelaksanaan peraturan ini hendaklah ditujukan kepada Seksyen Pengurusan Pembangunan Sumber Dan Inovasi , Jabatan Bendahari Negeri melalui telefon 088-272765 dan 088-272763 untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH “

“ PROFESIONALISME, MESRA DAN PROGRESIF “


(CHUI NGÉT NGO)
Bendahari Negeri

SI/ndo

